

**NO SOALAN :74**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA        : Y.B. TUAN TAN KOK WAI  
(CHERAS)**

**PERTANYAAN     : LISAN**

**TARIKH          : 08.06.2015**

**Y.B. TUAN TAN KOK WAI [ CHERAS ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bahawa memandangkan prospek suram bagi ekonomi negara berikutan harga minyak mentah dan komoditi yang rendah, apa strategi dan usaha telah diambil oleh Kerajaan untuk mempelbagaikan ekonomi dengan lebih berkesan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kejatuhan harga minyak dunia dan komoditi utama yang lain tidak memberi impak yang begitu ketara kepada ekonomi negara,

memandangkan struktur ekonomi negara kita kini lebih pelbagai disokong oleh peningkatan daya tahan dan daya saing serta asas-asas ekonomi yang kukuh. Ini dapat dilihat dengan pertumbuhan ekonomi Malaysia yang terus berkembang dengan Keluaran Dalam Negari Kasar (KDNK) benar mencatat peningkatan sebanyak 6 peratus pada tahun 2014 (2013: 4.7%) meskipun berhadapan dengan persekitaran luar yang tidak menentu dalam tempoh separuh kedua tahun 2014. Pertumbuhan ini didorong oleh permintaan domestik yang kukuh dipacu oleh aktiviti sektor swasta yang teguh. Permintaan dalam negeri meningkat sebanyak 5.9 peratus pada tahun 2014, disokong oleh peningkatan dalam perbelanjaan penggunaan sebanyak 6.4 peratus dan aktiviti pelaburan yang kukuh sebanyak 4.8 peratus.

2. Momentum pertumbuhan ekonomi negara terus menunjukkan trend yang memberangsangkan dengan KDNK benar mencatat 5.6 peratus dalam tempoh suku pertama 2015. Prestasi yang menggalakkan ini disokong oleh aktiviti ekonomi domestik yang terus cergas. Dalam tempoh yang sama, pelaburan swasta pada harga semasa berkembang 13.6 peratus kepada RM51.5 bilion dan pelaburan awam meningkat 2.2 peratus

kepada RM23.5 bilion. Kerancakan pelaburan swasta terus mencerminkan peranan sektor swasta dalam menerajui aktiviti ekonomi negara.

3. Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah bagi memperkuuh daya tahan ekonomi negara berikutan penurunan harga minyak mentah yang mendadak. Sehubungan dengan ini, Kerajaan telah mengumumkan beberapa langkah proaktif pada 20 Januari 2015 dalam menangani cabaran semasa. Langkah ini merangkumi semua sektor dalam ekonomi bagi memastikan ekonomi terus berada pada landasan pertumbuhan yang kukuh. Antara langkah tersebut termasuk:

- a. Mempromosikan perkhidmatan gantian-import seperti perkhidmatan perkapalan, pelabuhan, pendidikan dan profesional secara aktif bagi mengurangkan kebergantungan kepada sumber luar;
- b. Mempercepatkan pelaksanaan cadangan daripada Majlis Eksport Negara;
- c. Menubuhkan Skim Jaminan Sektor Perkhidmatan berjumlah RM5 bilion untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam sektor perkhidmatan;
- d. Mengurangkan kos kendalian perniagaan melalui penurunan tarif elektrik bermula pada 1 Mac 2015 hingga 30 Jun 2015; dan

penangguhan cadangan kenaikan harga gas bagi sektor industri pada tahun 2015.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Kerajaan juga telah mengambil pelbagai langkah untuk mempelbagaikan ekonomi. Langkah ini termasuk:

- I. Mengurangkan kebergantungan kepada eksport komoditi. Justeru kesan kejatuhan harga minyak mentah dan LNG dapat diimbangi dengan kepelbagaian produk dan pasaran eksport. Eksport komoditi kini mewakili 23% daripada jumlah keseluruhan eksport berbanding barang pembuatan yang menyumbang sebanyak 77% kepada jumlah eksport negara pada 2014 dan dijangka terus mampan terutama produk E&E, kayu-kayan dan tekstil;
- II. Menggalakkan industri pembuatan untuk beralih kepada aktiviti nilai ditambah (*value-added*) yang lebih tinggi;
- III. Menggalakkan industri berdasarkan sumber contohnya minyak sawit untuk meningkatkan aktiviti hiliran seperti oleokimia dan betaphol;
- IV. Menggalakkan pelaburan dalam 12 Bidang Ekonomi Utama (NKEA) di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP). Antara NKEA ini adalah Minyak Sawit dan Getah, Perkhidmatan Kewangan; Pelancongan;

Perkhidmatan Perniagaan; Elektrik dan Elektronik dan Pendidikan.

Usaha-usaha untuk menarik pelaburan ini akan meningkatkan potensi pertumbuhan ekonomi negara dan mengurangkan kesan daripada ketidaktentuan sektor luar.

V. Meliberalisasikan beberapa subsektor perkhidmatan untuk menarik pelaburan dan teknologi serta meningkatkan daya saing penyedia perkhidmatan tempatan; dan

VI. Melancarkan pelan induk seperti Pelan Sektor Kewangan 2011 - 2020 yang antara lain merangkumi perakuan untuk memperkuuh Malaysia sebagai pusat antarabangsa bagi kewangan Islam; Pelan Sektor Perkhidmatan yang menggariskan langkah strategik untuk meningkatkan sumbangan sektor perkhidmatan kepada ekonomi Negara dan Pelan Induk Logistik dan Fasilitasi Perdagangan (2015 - 2020) yang bertujuan menyediakan hala tuju strategik pembangunan industri logistik untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Kerajaan akan terus memantau dengan rapi perkembangan luaran termasuk harga minyak mentah dan kesan terhadap ekonomi negara. Ini bagi membolehkan Kerajaan mengambil langkah sewajarnya bagi

memastikan pertumbuhan ekonomi terus mapan di samping menjamin kesejahteraan rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah dan mudah terjejas.